

SUHAIMEE SAAHAR @ SAABAR

ISU-ISU UTAMA SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PRU 12 : SATU ANALISIS KANDUNGAN BLOG-BLOG POLITIK MALAYSIA TERPILIH

Keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia ke 12 adalah satu fenomena sejarah yang cukup mengejutkan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN). Kerajaan BN hanya memenangi 140 kerusi Parlimen daripada 220 kerusi. Ramai calon lama tewas kepada calon baru. Faktor utama yang dapat mengubah pemikiran rakyat adalah akibat peranan blogger dalam ruang siber yang menjadi medan meluahkan rasa dan pendapat mereka yang kurang mendapat perhatian dalam media massa perdana. Kajian ini telah menganalisis 193 blog politik Malaysia yang dikategorikan kepada tiga, iaitu penyokong kerajaan, penyokong pembangkang dan neutral. Kajian mendapati 114 blog tidak menyokong kerajaan berbanding 28 penyokong kerajaan, faktor kelemahan kepimpinan Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi dan dominasi blog politik dari kalangan golongan muda lelaki Melayu yang menggunakan nama samaran. Rumusannya menunjukkan kemampuan ruang siber jelas mempengaruhi minda masyarakat untuk meluahkan pandangan mereka.

Katakunci: Pilihan Raya, Blogger, Ruang Siber

The result of the twelfth Malaysian General Election was a big surprise to many, especially the Barisan Nasional (BN) coalition government. It won only 140 out of the 220 parliamentary seats contested. Observers attributed the result to various factors, one of which was the cyber campaign launched by bloggers in the internet. Many of these bloggers saw the internet as a space for them to voice out what had been denied by the mainstream media. This paper seeks to analyze the postings on the blogs by focusing on 193 political blogs that were categorized into three main categories, namely the pro-government blogs, the opposition blogs and the neutral blogs. The findings show that 114 political blogs were critical of or opposed to the government, and only 28 blogs were supportive of the government. Our findings indicate that these political blogs were dominated mainly by Malay bloggers, who tended to use their pseudonyms to protect their real identities. Most of them were male, with the youngsters the most active. The paper concludes by arguing that the cyber space has now emerged as a main platform for political observers to share information and to speak more freely and more critically about Malaysian politics.

Keywords: Bloggers, Elections, Cyber Space

Pendahuluan

Pada 8 Mac 2008, rakyat Malaysia menjalankan kewajipan mereka sebagai pengundi. Sebagai pengundi, mereka membuat keputusan mereka secara bijak dalam memilih pemimpin yang mewakili suara mereka. Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12 kali ini telah mengejutkan banyak pihak terutamanya kerajaan Barisan Nasional (BN). Kejayaan pada pilihan raya lepas tidak dapat diulangi semula, satu persatu kerusi yang dimiliki oleh BN selama ini dirampas oleh pihak pembangkang. BN hanya memenangi sebanyak 140 kerusi Parlimen daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Pihak rakyat pula kali ini telah menunjukkan satu kejutan yang besar apabila mereka telah memenangi sebanyak 82 kerusi Parlimen. Keputusan ini juga telah memberikan satu tamparan yang hebat kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Perdana Menteri Kelima Malaysia ketika itu. Keputusan pilihan raya ini juga dianggap sebagai satu tsunami politik yang besar melanda kerajaan BN sehingga memaksa BN melakukan *post-mortem* yang teliti bagi menganalisis punca dan faktor kekalahan mereka kali ini.

Sebelum pilihan raya berlangsung, kempen pilihan raya giat diadakan bagi setiap parti politik yang bertanding bagi meraih perhatian pengundi di samping meraih undi. Salah satu strategi kempen yang digunakan oleh parti-parti politik di Malaysia adalah melalui kempen siber. Kempen siber merupakan taktik baru dalam berkempen melalui penggunaan kemudahan-kemudahan rangkaian yang ada dalam internet bagi menyampaikan maklumat dan berkomunikasi dengan pengundi mahupun penyokong. Malah ada juga yang menyatakan bahawa kempen perang siber yang berlaku semasa pilihan raya yang lepas telah menjadi salah satu faktor kekalahan BN. Trend penggunaan teknologi maklumat dilihat sebagai pilihan alternatif bagi sesetengah pihak bagi menyampaikan maklumat politik mereka.

Proses kebebasan penyebaran maklumat yang berlaku pada hari ini telah menjadi salah satu faktor pencetus kewujudan kebebasan bersuara dalam alam siber. Hari ini semua orang mempunyai akses maklumat. Wujudnya teknologi baru ini memberikan satu peluang baru kepada masyarakat untuk turut serta dalam proses demokrasi dan perkongsian maklumat. Salah satu kemudahan yang diberikan perhatian kali ini ialah blog. Blog telah menjadi salah satu fenomena terbaru yang melanda masyarakat Malaysia pada hari ini. Dengan kemunculan blog, ia telah menyediakan satu ruang baru bagi masyarakat untuk menyuarakan suara mereka dalam alam maya atau siber.

Seperti yang telah dijelaskan tadi, blog bukanlah satu fenomena yang baru melanda masyarakat kita hari ini. Ia telah mula wujud dan berkembang sejak awal tahun 1990-an. Blog pertama muncul di Amerika Syarikat pada tahun 1994 dan Justin Hall merupakan individu pertama yang menceburi diri dalam dunia penulisan elektronik digital ini. Blog merupakan satu jurnal elektronik peribadi yang memuatkan pengalaman, komentar, pendapat dan lain-lain yang disusun secara susunan kronologi terbalik (*reverse chronology*) dan mempunyai *hyperlink*.

Penggunaan blog kini meluas di seluruh dunia terutamanya di Malaysia dengan bilangan pengguna blog yang semakin meningkat hari demi hari, sehingga hujung Mac 2006, sebanyak 32.4 billion blog terdapat di internet (Technorati 2006). Malah dianggarkan terdapat lebih kurang 500,000 blog yang aktif di Malaysia. Jelas sekali menunjukkan bahawa blog kini telah menjadi trend masakini yang melanda masyarakat Malaysia alaf ini.

Blog kini telah digunakan secara meluas untuk pelbagai tujuan sama ada untuk hiburan, berita, maklumat, politik, kempen dan lain-lain. Salah satu blog yang paling popular hari ini ialah blog politik. Blog politik mempunyai potensi untuk membuka ruang kepada perdebatan politik (Koop 2006). Di Malaysia, blog politik telah memainkan peranan penting dan digunakan secara meluas pada Pilihan Raya Umum ke-12 Malaysia.

Walau bagaimanapun, penggunaan blog di Malaysia terutamanya blog politik bukannya sesuatu yang mengejutkan kerana ia telah digunakan oleh para *blogger* selepas sahaja pilihan raya ke-11. Blog digunakan sebagai salah satu sumber alternatif masyarakat selain daripada media massa perdana. Di Amerika Syarikat pada hari-hari tertentu terdapat 24 juta rakyatnya melayari internet untuk mencari berita politik atau maklumat (Kaid & Postelnicu 2007). Di Malaysia sahaja terdapat beratus-ratus mungkin beribu-ribu blog politik yang dibangunkan oleh individu-individu tertentu yang menganggap blog adalah lebih bebas daripada media massa perdana.

Ciri-ciri Blog

Blog mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Blog atau lebih dikenali sebagai sebuah jurnal elektronik peribadi haruslah dibezakan dengan laman sesawang (*website*). Peranan dan fungsi blog adalah sedikit berbeza dengan laman sesawang. Di bawah ditunjukkan ciri-ciri blog:

1. Tajuk/ Nama Blog

Tajuk atau nama blog merupakan pengenalan utama sesebuah blog. Tajuk yang dipilih adakala mencerminkan pandangan dan identiti seseorang *blogger*. Tajuk yang dipilih juga mestilah menarik dan mudah menarik. Ada kala tajuk blog ini boleh mencetuskan kontroversi dan melihatkan sokongan kepada sesuatu pihak yang di sokong.

2. Profil – Identiti *blogger*

Ini merupakan sebuah ruang yang harus diisi oleh *blogger*. Di ruang ini *blogger* bebas sama ada mahu mendedahkan identiti sebenar ataupun tidak, atau menggunakan nama samaran.

3. Posting

Ini merupakan bahagian yang penting dalam blog. *Blogger* akan muat turun artikel-artikel yang ditulis oleh mereka dalam bahagian ini. Namun begitu ada juga *blogger* yang hanya muat turun artikel-artikel yang mereka ambil daripada blog-blog lain ataupun petikan-petikan berita daripada akhbar-akhbar harian. Ruangan ini akan mencerminkan pandangan *blogger* ke atas sesuatu isu. Ia juga mencerminkan bagaimana *blogger* menganalisis dan mempengaruhi pembaca mereka dengan pandangan-pandangan mereka. *Posting* yang bercorak provokatif dilihat menjadi kegemaran *blogger* di Malaysia.

4. Blogrolls

Blogrolls merupakan satu ruang yang digunakan oleh *blogger* untuk diletakkan dalam blog mereka. *Blogrolls* merupakan senarai link blog yang dipilih dan diminati oleh *blogger*. *Blogrolls* ini merupakan elemen penting dalam kewujudan *blogosphere*. *Blogrolls* juga merupakan satu pengiktirafan *blogger* kepada *blogger* lain.

5. Ruangan Komen

Ini merupakan ruangan yang diisi oleh pembaca blog dan untuk meninggalkan komen, pembaca harus mendaftarkan diri bagi mereka memberikan komen ke atas artikel yang dibaca. Ruangan komen ini penting bagi *blogger* untuk mengetahui pandangan pembaca.

6. Arkib

Arkib merupakan koleksi atau simpanan artikel-artikel yang dimuat-turunkan berdasarkan susunan kronologi terbalik. Pembaca boleh memilih mana-mana artikel yang dimuat turunkan. Ruangan ini penting bagi melihat pandangan-pandangan *blogger* sebagai rujukan lepas.

Blogosphere

Peranan blog-blog politik di dalam *public sphere* tidak boleh dinafikan lagi. Dengan kemunculan medium baru ini, fenomena blog yang melanda masyarakat pada hari ini telah mewujudkan satu ruang baru yang dikenali sebagai *blogosphere*. Istilah *blogosphere* ini telah diperkenalkan pada Disember 2001 oleh seorang *blogger* yang bernama William Quick. Istilah ini digunakan bagi menggambarkan dan menjelaskan fenomena blog politik yang muncul dalam alam siber. Roth (2004), mendefinisikan *blogosphere* sebagai :

...an online network of political blogs used to express and circulate opinions, in which pieces of information are synthesized and connected in new ways and act as checks against the mainstream media, and where public dialogue and debate on public issues can occur and eventually inform decision makers

(Roth, 2004: hlm. 18)

Blogosphere lahir apabila ruang yang sedia ada tidak boleh diakses oleh golongan tertentu bagi menyampaikan pendapat tentang sesuatu isu. Isu-isu yang dibincangkan dalam blog sedikit sebanyak mempengaruhi sesebuah keputusan tentang sesuatu dasar ataupun polisi digubal dan dilaksanakan. Malah, dalam kes ini, kita boleh melihat implikasi *blogging* sebelum, semasa dan selepas pilihan raya umum ke-12 telah mewujudkan fenomena yang dikenali sebagai *political blogosphere*. *Blogosphere* difahami sebagai ruang yang lebih bebas untuk bersuara. Malah ia dipandang ringan oleh ahli-ahli politik atau parti-parti politik yang memerintah kerana kawalan dan pemilikan media massa perdana adalah di bawah kawalan pihak pemerintah.

Pada peringkat awal, *blogging* di Malaysia dimulakan oleh beberapa individu yang bergiat cergas dalam aktiviti *blogging*. Lama-kelamaan ia telah menjadi satu trend baru yang berlaku dalam masyarakat Malaysia. Hanya beberapa tahun sahaja, blog politik telah memberikan kesan kepada senario politik di Malaysia. Para *Blogger* di Malaysia mengambil kesempatan ini bagi membina satu rangkaian sosial baru. Mereka ini bebas berfikir dan meluahkan pendapat masing-masing dengan bebas. Salah satu ciri terpenting kewujudan *blogosphere* ialah *blogrolls*. *Blogrolls* menandakan wujudnya ikatan rangkaian sosial di kalangan *blogger*. Ia menghubungkan sesebuah blog ke blog yang lain. Di samping itu ia juga dilihat sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada seseorang *blogger* apabila blog yang dimilikinya diletakkan dalam blog yang lain.

Permasalahan Kajian

Kawalan ke atas media massa perdana dilihat sebagai faktor utama kemunculan blog-blog politik. Blog menawarkan ruang maya yang maklumat diketepikan atau diabaikan oleh media massa perdana boleh disiarkan atau dimuat turun ke dalam blog. Namun begitu, menurut Menteri Penerangan Malaysia, Datuk Ahmad Shabery Chik andaian yang menyatakan bahawa kawalan yang terlalu ketat dan pemilikan media di Malaysia menjadi punca kebanjiran blog-blog politik di Malaysia adalah tidak tepat. Namun begitu, masyarakat merasakan bahawa terdapat beberapa isu yang tidak disiarkan di media massa perdana ada di media alternatif. Masyarakat kini mempunyai pelbagai pilihan untuk memilih sumber maklumat mereka sendiri dan masyarakat juga telah memilih blog sebagai sumber maklumat alternatif bagi diri mereka.

Blog dilihat sebagai satu bentuk perkongsian maklumat kepada masyarakat dan dalam masa yang sama ia mewujudkan satu bentuk ikatan sosial baru (*social network ties*) di kalangan pengguna internet yang terdiri daripada *blogger*. Ikatan rangkaian sosial yang terbentuk ini telah mewujudkan satu bentuk perkongsian maklumat yang terkini apabila para *blogger* berkongsi maklumat sesama sendiri. Perkongsian maklumat yang berlaku

dalam alam siber ini terbentuk apabila ia dilihat sebagai pelengkap baru kepada media massa perdana. Seperti yang telah dijelaskan di atas, bukan semua maklumat yang ada boleh disiarkan di media massa perdana. *Blogger* merupakan pemerhati sosial yang peka ke atas fenomena-fenomena sosial yang berlaku di sekeliling mereka. Ini kerana dengan kemampuan para *blogger* mengenalpasti dan merakam berita-berita terkini, kebanyakan sumber-sumber media massa perdana memerhati dengan teliti ke atas blog-blog politik yang dikenali (Adamic & Glance 2005).

Kemunculan blog-blog politik telah membuka satu lembaran baru dan kajian baru di Malaysia. Menurut Drenzer dan Farrell, mereka melaporkan terdapat peningkatan ketara dalam kajian-kajian akademik tentang *blogging*, daripada 11 kajian di pertengahan tahun 1995 dan 1999 kepada 647 kajian pada tahun 2003 (Koop 2006). Malah kajian ini juga telah menarik pengkaji ataupun sarjana tempatan untuk mengkaji impak penyertaan dalam blog ke atas masyarakat berdasarkan pelbagai dimensi ilmu.

Di Malaysia, isu-isu blog politik masih lagi dibicarakan. Beberapa peristiwa yang berlaku pada tahun 2007 menjadikan perkataan ini begitu popular dan mendapat perhatian khususnya daripada para pemimpin dan masyarakat. Kes fitnah yang melibatkan beberapa *blogger* dan isu goblok telah membuatkan peranan blog mula disedari dan dikhawatiri. Kini *blogger* politik (*political bloggers*) cuba mendapatkan ruang dan pengiktirafan dalam media massa, masyarakat dan terutamanya kerajaan agar suara mereka didengari.

Persoalan Kajian

Melihat situasi yang berlaku pada hari ini, kemunculan media baru tidak boleh dipertikaikan dalam penyampaian mesej-mesej politik oleh parti-parti politik yang bertanding dalam pilihan raya sesebuah negara. Berdasarkan konteks senario politik di Malaysia, blog telah muncul sebagai satu elemen terbaru bagi masyarakat untuk turut serta dalam proses demokrasi yang berlaku hari ini. Kebebasan maklumat dalam era siber tidak boleh dihalang dan dinafikan peranannya. Oleh itu, beberapa persoalan dibangkitkan bagi melihat peranan dan fungsi blog politik di Malaysia. Persoalan-persoalan tersebut adalah:

1. Apakah bentuk blog politik di Malaysia?
2. Siapakah *blogger* politik di Malaysia?
3. Apakah jenis blog politik di Malaysia?
4. Apakah isu-isu utama yang dibincangkan dalam blog-blog politik di Malaysia?

Objektif Kajian

Dalam menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan, beberapa objektif dibentuk bagi mencapai matlamat kajian ini. Oleh itu kajian ini bertujuan untuk:

- a. mengenalpasti bentuk kandungan dalam blog-blog politik di Malaysia;
- b. mengenalpasti blog-blog politik yang menyokong dan tidak menyokong kerajaan;
- c. mengenalpasti isu-isu yang dibangkitkan dalam blog-blog politik dan
- d. mengenalpasti kecenderungan kandungan blog-blog politik di Malaysia.

Metodologi

Dalam memastikan objektif kajian ini dicapai, kajian ini telah menggunakan kaedah analisis kandungan bagi menganalisis kandungan-kandungan blog politik yang telah dipilih dalam kajian ini. Analisis kandungan merupakan satu teknik kajian yang sistematik, objektif dan pemerian bercorak kuantitatif terhadap kandungan yang nyata (*manifest*) dalam komunikasi (Berelson 1952). Unit analisis dalam kajian ini adalah blog politik di Malaysia. Pengkaji mengambil blog-blog politik yang dipilih secara rawak

mudah daripada laman blog, *sopo-central*. Blog ini merupakan sebuah laman direktori yang mengandungi blog-blog politik Malaysia yang didaftarkan di laman ini. Dengan adanya laman ini, ia memudahkan pengkaji memilih blog-blog yang sedia ada secara rawak mudah bagi memenuhi objektif kajian yang telah dibentuk.

Sebelum analisis dijalankan borang kodan dibentuk dan pengkaji menjalankan ujian rintis (*pilot test*) ke atas beberapa blog yang dua orang jurukod dipilih dan dilatih untuk menguji tahap kebolehpercayaan *intercoder* dan ketepatan. Sehubungan dengan itu sebanyak 193 blog politik Malaysia dipilih melalui teknik rawak mudah dan kajian ini hanya menganalisis kandungan-kandungan atau *posting-posting* blog-blog politik terpilih sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-12, iaitu merangkumi bulan Disember 2007 hingga April 2008. Fokus kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan penerokaan (*explanatory*). Oleh itu, analisis kandungan kajian ini memfokuskan kepada ciri-ciri deskriptif, bentuk dan kandungan blog-blog yang dipilih dalam kajian ini.

Jurukod diminta untuk merekodkan URL dan membaca kandungan atau setiap posting yang dikirimkan oleh blogger sebelum mengasingkan atau mengkategorikan blog tersebut kepada dua kategori, iaitu blog yang menyokong kerajaan, tidak menyokong kerajaan dan blog neutral. Oleh itu, beberapa kategori dibentuk bagi jurukod untuk merekodkan maklumat dalam borang kodan berdasarkan kategori-kategori utama yang dibentuk oleh pengkaji. Kategori-kategori tersebut adalah :

1. Profil – jantina, umur dan bangsa
2. Jenis blog
 - a. *Filters*
 - b. K-logs (*knowledge-logs*)
 - c. Jurnal peribadi
3. Jenis pendapat
 - a. Menyokong kerajaan
 - b. Tidak menyokong kerajaan
 - c. Neutral
4. Identiti blogger
5. Penyokong mana-mana parti politik
6. Isu-isu utama
7. Bentuk kandungan

Hasil Kajian

Bahagian ini akan membincangkan penemuan kajian yang ditemui oleh pengkaji menerusi analisis kandungan ke atas 193 blog politik yang dipilih bagi menganalisis kandungan-kandungan blog politik di Malaysia dalam tempoh sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-12. Sepanjang tempoh kajian, sebanyak 836 *posting* atau kiriman telah direkod menggunakan borang soalselidik yang telah dibentuk dan dianalisis daripada 193 blog yang telah dipilih. Hasil kajian boleh dilihat menerusi pembentangan di bawah;

1. Jumlah posting mengikut bulan.

Jadual 1 : Jumlah *posting* mengikut bulan

Bulan	Bilangan	Peratus
1. Disember	47	5.6
2. Januari	25	3
3. Februari	62	7.4
4. Mac	523	62.6
5. April	179	21.4

Jumlah	836	100
--------	-----	-----

Berdasarkan Jadual 1 di atas, bulan Mac menunjukkan jumlah posting yang paling tinggi dikirimkan oleh *bloggers* di Malaysia. Sebanyak 523 posting telah dikirimkan pada bulan tersebut. Pada bulan tersebut merupakan masa yang paling penting bagi rakyat Malaysia untuk menentukan kerajaan yang akan mentadbir bagi lima tahun akan datang. Pada bulan ini juga menjadi peluang bagi *blogger* untuk berkempen bagi mana-mana pihak yang mereka sokong dan pada masa tersebut juga serangan demi serangan berlaku dalam alam siber. Jumlah *posting* semakin menurun pada bulan April yang hanya sebanyak 179 posting sahaja dikirimkan. Jumlah *posting* yang paling rendah dicatatkan ialah pada bulan Januari dengan sebanyak 25 *posting* dikirimkan pada bulan tersebut. Jelas sekali menunjukkan *blogger* telah mengambil peluang dalam alam siber bagi menyampaikan maklumat-maklumat politik semasa bulan Mac. Kebebasan yang ada dalam dunia siber digunakan sebaik mungkin oleh mereka untuk berkomunikasi dan menyalurkan maklumat-maklumat politik yang tidak disiarkan dalam media massa perdana.

2. Jumlah jenis blog politik.

Jadual 2 : Jumlah jenis blog politik

Jenis	Bilangan	Peratus
1. <i>Filters</i>	3	2
2. Jurnal peribadi	180	93
3. <i>K-logs</i>	10	5
Jumlah	193	100

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jelas sekali menunjukkan bahawa daripada 193 blog yang dipilih, sebanyak 93 peratus atau 180 blog politik di Malaysia merupakan blog yang berbentuk jurnal peribadi. Hanya terdapat tiga blog politik berbentuk *filters* dan 10 blog politik yang berbentuk *k-logs*. Daripada hasil kajian, jelas menunjukkan bahawa blog politik di Malaysia adalah bersifat jurnal peribadi yang *blogger* mempunyai kebebasan untuk berkongsi idea, pendapat dan isu-isu semasa bersama-sama komuniti siber. Malah blog berbentuk ini juga menjadi minat ramai komuniti siber kerana bentuk penulisan adalah lebih bersifat peribadi dan tidak terlalu akademik. Gaya penyampaian yang ringkas dan bersifat emosional menjadi tarikan utama bagi blog seperti ini. Pembaca merasakan lebih tertarik membaca blog-blog yang lebih bersifat peribadi kerana ia dilihat sebagai lebih bebas dan terbuka.

3. Jumlah *posting* mengikut blog

Jumlah 3 : Jumlah *posting* mengikut blog

Posting	Bilangan	Peratus
1. <i>Filters</i>	17	2
2. Jurnal peribadi	773	92.5
3. <i>K-logs</i>	46	5.5
Jumlah	836	100

Berdasarkan Jadual 3 di atas, jelas sekali menunjukkan bahawa blog berbentuk jurnal peribadi mempunyai jumlah posting yang paling tertinggi berbanding bentuk blog yang lain. Sebanyak 773 atau 92.5 peratus kiriman atau posting dikirimkan menerusi blog jurnal peribadi. Seperti yang dijelaskan di atas, bentuk *posting* yang dikirimkan lebih bersifat

pandangan peribadi seseorang *blogger* terhadap fenomena-fenomena sosial politik yang berlaku di sekeliling mereka. Jelas sekali juga menunjukkan bahawa *blogger* politik di Malaysia lebih berminat mengirimkan posting berbentuk pandangan peribadi.

4. Jumlah blog mengikut pendapat

Jadual 4 : Jumlah blog mengikut pendapat

Pendapat	Bilangan	Peratus
1. Menyokong kerajaan	28	14.5
2. Tidak menyokong kerajaan	114	59.1
3. Neutral	51	26.4
Jumlah	193	100

Berdasarkan Jadual 4 di atas, daripada 193 blog yang dipilih dalam kajian kini, jelas menunjukkan bahawa blog-blog politik di Malaysia berkecenderungan berpendapat tidak menyokong kerajaan. Sebanyak 114 *blogger* politik memiliki blog-blog politik yang tidak menyokong kerajaan. Beberapa isu sosial politik yang berlaku di Malaysia terutamanya isu-isu yang melibatkan kerajaan BN banyak dikritik di dalam blog-blog ini. Hanya terdapat 28 blog politik yang dilihat sebagai menyokong kerajaan. Jumlah ini terlalu ketara berbeza jika dibandingkan dengan blog yang tidak menyokong kerajaan. Terdapat sebanyak 51 blog yang mengutarakan pendapat bersifat neutral. Jelas sekali blog politik yang tidak menyokong kerajaan mendominasi alam siber. Ini kerana ruang siber merupakan sebuah ruang yang bebas. Jumlah blog politik yang menyokong kerajaan adalah sedikit kerana pihak kerajaan sedia ada mempunyai akses dan kawalan ke atas media massa perdana yang mereka boleh mengawal aliran keluar masuk maklumat yang diinginkan mengikut ideologi yang diperjuangkan mereka. Hegemoni pihak kerajaan ke atas media massa perdana sememangnya tidak boleh dinafikan. Oleh itu, pihak pembangkang menggunakan ruang siber yang sedia ada untuk menyalurkan maklumat politik kepada masyarakat Malaysia. Jelas sekali menunjukkan bahawa kewujudan blog-blog seperti ini harus dipertimbangkan kerana ia mempunyai impak yang besar ke atas pengaliran maklumat yang media baru dilihat sebagai pembantu atau penggerak kepada satu bentuk revolusi komunikasi maklumat yang tidak boleh diketepikan oleh pihak kerajaan yang memerintah.

5. Jumlah penulis blog politik di Malaysia

Jadual 5 : Jumlah penulis blog politik di Malaysia

Jenis	Bilangan	Peratus
1. Ahli politik	7	3.6
2. Individu	181	93.8
3. Penyokong parti	5	2.6
Jumlah	193	100

Jadual 5 di atas menunjukkan jumlah penulis blog politik di Malaysia, daripada seramai 193 *blogger* politik yang dianalisis, 181 merupakan individu yang bergiat aktif dalam aktiviti *blogging* ini. Individu ini mungkin terdiri daripada kalangan masyarakat Malaysia

yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Hanya terdapat 7 *blogger* yang merupakan ahli politik dan terdapat 5 orang *blogger* merupakan penyokong parti.

6. Identiti *blogger*

Jadual 6 : Identiti *blogger*

Identiti	Bilangan	Peratus
1. Nama penuh	75	38.9
2. <i>Pseudonym</i> (samaran)	118	61.1
Jumlah	193	100

Berdasarkan jadual di atas, jelas sekali menunjukkan bahawa *blogger* politik di Malaysia gemar menggunakan nama samaran dalam blog mereka. Seramai 118 orang *blogger* politik menggunakan nama samaran berbanding dengan 75 orang *blogger* yang menggunakan nama penuh mereka. Ini kerana mungkin *blogger* hanya mahu dikenali dengan nama samaran dan enggan mendedahkan identiti mereka atas sebab-sebab peribadi.

7. Bangsa *bloggers*

Jadual 7 : Bangsa *blogger*

Bangsa	Bilangan	Peratus
1. Melayu	59	30.6
2. Cina	28	14.5
3. India	8	4.1
4. Bumiputera Sabah dan Sarawak	3	1.6
5. Tidak diketahui	95	49.2
Jumlah	193	100

Daripada jadual di atas, jelas sekali *blogger* berketurunan Melayu merupakan bloggers yang teramai, iaitu sebanyak 59 orang *blogger* Melayu yang giat aktif dalam aktiviti *blogging* ini. Blogger bangsa Cina adalah seramai 28, blogger berbangsa India seramai 8 orang dan hanya 3 orang sahaja blogger politik daripada bangsa Bumiputera Sabah dan Sarawak. Namun begitu, kajian ini juga mendapati bahawa terdapat 95 orang *blogger* politik tidak mendedahkan bangsa mereka. Jumlah yang seramai ini menyukarkan bagi mengenalpasti jumlah sebenar *blogger* politik di Malaysia berdasarkan bangsa.

8. Bahasa yang digunakan dalam blog politik

Jadual 8 : Jenis bahasa

Bahasa	Bilangan	Peratus
1. Bahasa Melayu	390	46.7
2. Bahasa Inggeris	446	53.3
Jumlah	836	100

Berdasarkan jadual di atas, jelas sekali tidak terdapat perbezaan ketara daripada segi penggunaan bahasa dalam blog politik di Malaysia. Daripada 836 jumlah *posting* yang dianalisis, terdapat 390 *posting* dalam Bahasa Melayu dan 446 *posting* dalam Bahasa

Inggeris. *Blogger* politik di Malaysia memilih untuk menulis dalam dua bahasa bagi memudahkan penyaluran maklumat disebarluaskan kepada komuniti siber di Malaysia.

9. Jantina *blogger*

Jadual 9 : Jantina *blogger*

Jantina	Bilangan	Peratus
1. Lelaki	100	51.8
2. Perempuan	8	4.1
3. Tidak diketahui	85	44
Jumlah	193	100

Jelas sekali menunjukkan bahawa *blogger* politik Malaysia yang teramai di Malaysia terdiri daripada golongan lelaki. Seramai 100 orang *bloggers* politik lelaki bergiat aktif dalam aktiviti *blogging* dan hanya terdapat 8 orang sahaja *blogger* perempuan yang didapati terlibat aktif dalam aktiviti ini. Namun begitu, jumlah *blogger* yang enggan mendedahkan jantina mereka juga agak tinggi dengan seramai 85 orang *blogger* enggan mendedahkan jantina mereka.

10. Umur *blogger*

Jadual 10 : Umur *blogger*

Umur	Bilangan	Peratus
1. 18-25	2	1
2. 26-30	14	7.3
3. 31-36	9	4.7
4. 37-40	5	2.6
5. 41-45	2	1
6. 46-50	6	3.1
7. 51 ke atas	11	5.7
8. Tidak disertakan	144	74.6
Jumlah	193	100

Berdasarkan Jadual 10, jelas sekali menunjukkan *blogger* politik di Malaysia sukar untuk mendedahkan identiti mereka. Seramai 144 orang *blogger* politik tidak menyertakan umur dalam profil mereka. Namun begitu, daripada hasil kajian yang diperoleh jelas menunjukkan golongan muda mendominasi alam siber ini yang seramai 14 orang yang berumur di peringkat 26-30 bergiat aktif dalam aktiviti ini. Golongan yang berumur 51 tahun ke atas juga turut terlibat dalam aktiviti ini dengan seramai 11 orang dikenalpasti dalam kajian ini dalam peringkat umur berkenaan.

11. Penyokong mana-mana parti politik

Jadual 11 : Penyokong mana-mana parti politik

Parti	Bilangan	Peratus
1. BN	7	3.6
2. PKR	6	3.1
3. DAP	4	2.1
4. PAS	5	2.6
5. Bebas	171	88.6
Jumlah	193	100

Berdasarkan jadual di atas, jelas sekali menunjukkan bahawa daripada seramai 193 *blogger* politik yang dikenalpasti dalam kajian ini, seramai 171 *blogger* adalah dalam kategori bebas, iaitu mereka tidak berkecenderungan memihak mana-mana parti politik ataupun tidak mendedahkan keahlian mereka dalam blog mereka. Jika dilihat di atas, bilangan *blogger* penyokong parti-parti pembangkang adalah lebih besar daripada *blogger* parti BN. Seramai 15 orang *blogger* parti pembangkang yang terdiri daripada penyokong parti PKR, DAP dan PAS dikenalpasti berbanding dengan hanya seramai 7 orang *blogger* politik BN yang bergiat aktif dalam aktiviti ini. Namun begitu, bilangan *blogger* dalam kategori bebas haruslah dilihat sebagai satu petanda bahawa kebanyakan masyarakat Malaysia telah menggunakan ruang alternatif ini bagi melibatkan diri dalam sosial politik di Malaysia secara atas talian. Mereka telah mengambil peluang yang sedia ada untuk turut terlibat sama dalam kancan sosial politik di Malaysia secara maya.

12. Isu-isu utama

Jadual 12 : Isu-isu utama

Isu	Bilangan	Peratus
1. Pilihan raya	501	59.9
2. Rasuah	27	3.2
3. Kenaikan kos hidup Barang dan minyak	12	1.4
4. Kebebasan bersuara dan media	48	5.7
5. Kepimpinan Datuk Seri Seri Abdullah Ahmad Badawi	90	10.8
6. Kronisme	20	2.4
7. Sejagat	72	8.6
8. Remaja	4	0.5
9. Gender	7	0.8
10. Lain-lain	34	97.5
Jumlah	815	100

Bahagian ini akan membincangkan isu-isu utama yang dibicarakan oleh *blogger* politik secara maya sebelum, semasa dan selepas pilihan raya. Berdasarkan jadual di atas, isu utama yang paling hangat diperbincangkan dalam alam maya ini ialah isu berkaitan dengan pilihan raya. Berdasarkan analisis, isu-isu yang melibatkan pilihan raya seperti ramalan tarikh pilihan raya umum, pencalonan calon-calon di kedua-dua belah pihak, strategi yang akan digunakan, serangan kepada calon-calon yang bakal bertanding, pengurusan pilihan raya oleh SPR, ketelusan pilihan raya Malaysia dan lain-lain menjadi isu yang paling hangat dibicarakan dalam blog politik. Isu kedua yang menjadi topik utama selepas isu pilihan raya adalah tentang isu kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Sebanyak 90 *posting* atau kiriman tentang isu ini telah dikenalpasti dalam kajian ini. Isu kebebasan bersuara juga turut menjadi isu utama dibincangkan oleh *blogger* politik di Malaysia. Selain daripada itu, isu menjelaskan, kronisme dan kenaikan kos hidup juga turut dibincangkan dalam alam maya ini.

13. Isu-isu utama sebelum pilihan raya

Jadual 13 : Isu-isu utama sebelum pilihan raya

Isu	Bilangan	Peratus
1. Pilihan raya	49	34.3
2. Rasuah	10	7.0
3. Kenaikan kos hidup Barang dan minyak	3	2.1
4. Kebebasan bersuara dan media	15	10.5
5. Kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi	13	9.1
6. Kronisme	7	4.9
7. Sejagat	29	16.8
8. Gender	3	2.1
9. Lain-lain	19	13.3
Jumlah	143	100

Berdasarkan Jadual 13, sebanyak 143 *posting* atau kiriman telah dikenalpasti dan jelas sekali menunjukkan bahawa isu yang paling banyak dibincangkan dalam blog politik sebelum pilihan raya umum adalah isu pilihan raya. Sebanyak 49 kiriman telah dikenal-pasti. Isu-isu tentang pilihan raya seperti ketelusan pilihan raya, tarikh pilihan raya, serangan ke atas parti-parti politik pemerintah dan strategi pilihan raya dilihat menjadi topik utama dalam isu berkaitan dengan pilihan raya. Sebanyak 15 kiriman tentang isu kebebasan bersuara dianalisis. Manakala, sebanyak 13 kiriman tentang isu terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi juga turut menjadi perhatian utama para *blogger* politik di Malaysia sebelum pilihan raya umum ke-12 berlangsung.

14. Isu-isu utama semasa pilihan raya

Jadual 14 : Isu-isu utama semasa pilihan raya

Jenis	Bilangan	Peratus
1. Pilihan raya	1	33.3
2. Rasuah	0	0
3. Kenaikan kos hidup- Barang dan minyak	0	0
4. Kebebasan bersuara dan media	2	66.7
5. Kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi	0	0
6. Kronisme	0	0
7. Sejagat	0	0
8. Gender	0	0
9. Lain-lain	0	0
Jumlah	3	100

Berdasarkan jadual di atas, hanya terdapat tiga sahaja kiriman dikenalpasti daripada 193 blog politik semasa pilihan raya sedang berlangsung. Isu kebebasan bersuara mendapat perhatian utama semasa itu dengan dua kiriman dikenalpasti. Jumlah kiriman yang sedikit ini mungkin berlaku kerana para *blogger* keluar mengundi dan

menunggu dengan teliti keputusan pilihan raya yang akan diumumkan selepas sahaja proses pengiraan undi diadakan.

15. Isu-isu utama selepas pilihan raya

Jadual 15 : Isu-isu utama selepas pilihan raya

Jenis	Bilangan	Peratus
1. Pilihan raya	118	17.4
2. Rasuah	36	5.3
3. Kenaikan kos hidup Barang dan minyak	10	1.4
4. Kebebasan bersuara dan media	54	7.9
5. Kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi	141	20.8
6. Kronisme	16	2.3
7. Sejagat	70	10.3
8. Gender	6	0.9
9. Pemilihan Menteri Besar dan Ketua Menteri	47	6.9
10. Pemilihan Kabinet Baru	23	3.4
11. Kerjasama antara parti politik	33	4.8
12. Strategi pilihan raya	36	5.3
13. Penghargaan	29	4.2
14. Persamaan hak (equality)	20	2.9
15. Isu perkauman	25	3.6
16. Isu ekonomi-DEB	2	0.2
17. lain-lain	5	0.7
Jumlah		100

Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 676 kiriman telah dikodkan selepas Pilihan Raya Umum ke-12. Sebanyak 18 isu telah dikenalpasti dalam kajian ini yang berkaitan dengan isu-isu utama yang diperbincangkan selepas Pilihan Raya Umum ke-12. Isu yang paling banyak diperbincangkan dalam blog politik yang dipilih adalah isu tentang kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh para *blogger* politik dalam blog-blog mereka tentang isu ini ialah menyentuh tentang kegagalan beliau pada pilihan raya kali ini. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilihat gagal untuk meneruskan kemenangan pada pilihan raya lepas sehingga menyaksikan empat buah negeri jatuh di tangan pembangkang. Beberapa desakan untuk meminta beliau meletakkan jawatan sebagai perdana menteri juga dibincangkan dalam blog. Manakala, isu pilihan raya juga turut juga hangat dibincangkan dalam blog-blog politik. Seterusnya isu tentang kebebasan bersuara, pemilihan Ketua Menteri dan Menteri Besar turut sama diperbincangkan dalam blog-blog politik. Isu pelantikan Menteri Besar Terengganu merupakan isu yang paling banyak diperbincangkan kerana isu ini turut melibatkan krisis kepimpinan UMNO Terengganu dengan pihak istana serta campurtangan Perdana Menteri dalam pelantikan MB Terengganu. Isu tentang pelantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri di negeri-negeri yang dimenangi pihak pembangkang juga turut dibicarakan. Isu kerjasama di kalangan parti politik yang memenangi pilihan raya kali ini juga menjadi

fokus utama terutama kerjasama di antara parti pembangkang yang memenangi banyak kerusi sama ada di peringkat Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri.

Blog-blog politik juga digunakan sebagai satu tanda penghargaan kepada para pengundi yang telah menjalankan kewajipan mereka sebagai pengundi. Isu strategi pilihan raya kali ini juga turut dibangkitkan apabila para *blogger* memberi ulasan-ulasan peribadi yang menyentuh akan kegagalan dan kejayaan strategi pilihan raya parti politik kali ini. Pemilihan strategi yang tepat dianggap menjadi faktor kejayaan pihak pembangkang yang banyak “menyerang” pihak BN dengan pelbagai bentuk serangan sama ada yang berbentuk positif mahupun negatif. Pihak lawan telah menggunakan strategi melawan dan serangan kepada pihak BN dengan membangkitkan kemarahan pengundi kepada pihak BN dengan pelbagai isu. Serangan ini begitu jelas sekali kerana blog politik ini hampir dikuasai oleh pihak yang tidak menyokong kerajaan. Oleh itu, peluang untuk menyerang kerajaan diambil peluang oleh *blogger* politik di Malaysia untuk berkempen secara maya bagi memastikan kemenangan di pihak pembangkang.

Rumusan

Secara umumnya, peranan blog-blog politik semasa pilihan raya sememangnya tidak boleh dipandang rendah. Alam blog ini dilihat telah membuka satu ruang yang luas dan besar bagi *bloggers* politik untuk digunakan sebagai satu alat untuk berkempen dan berkomunikasi serta berkongsi maklumat-maklumat politik dengan komuniti siber. Hasil kajian juga jelas menunjukkan bahawa *blogger* politik dalam kategori tidak menyokong kerajaan menggunakan ruang yang sedia ada ini untuk menyerang BN pada pilihan raya ke-12. Jumlah *bloggers* yang tidak menyokong kerajaan yang mendominasi alam maya ini juga harus diambil perhatian oleh pelbagai pihak terutamanya oleh pihak kerajaan. Daripada segi yang lain, ia juga menunjukkan bahawa orang ramai mula beralih arah dengan memilih media baru sebagai tempat dan ruang untuk mereka menyuarakan protes terhadap kerajaan yang memerintah. Jika dilihat daripada segi jumlah *posting* juga, jelas membuktikan bahawa kiriman yang tidak menyokong kerajaan sememangnya banyak dan maklumat berbentuk ini sememangnya telah menguasai ruang maya ini.

Komuniti siber atau orangramai kini mula mencari maklumat-maklumat sebegini kerana maklumat sebegini sememangnya sukar untuk diperoleh di media massa perdana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa *blogger* politik terdiri daripada individu-individu biasa yang berkecimpung aktif dalam aktiviti *blogging* ini. Ini bermakna, orangramai sudah mula menyedari bahawa mereka telah menemui sebuah ruang yang bebas bagi mereka menyuarakan pendapat mereka. Namun begitu, *blogger* politik di Malaysia dilihat berkecenderungan untuk menggunakan nama samaran dan tidak mahu mendedahkan identiti mereka. Hasil daripada kajian juga, jelas sekali bangsa Melayu merupakan bangsa yang paling ramai terlibat dalam aktiviti *blogging* ini. Namun begitu, terdapat 95 *blogger* politik yang tidak mendedahkan identiti bangsa mereka. Dari segi penggunaan bahasa, jelas menunjukkan tidak wujud perbezaan ketara dari segi penggunaan bahasa dalam blog politik.

Blogger politik lelaki dilihat mendominasi alam ini jika dibandingkan dengan *blogger* wanita. Perbezaan ketara boleh dilihat jika perbandingan dilakukan dengan tidak mengambilkira *blogger* yang tidak mendedahkan jantina mereka. Dari segi kiriman juga menunjukkan bahawa *blogger* politik lelaki lebih aktif menulis berbanding *blogger* wanita. Alam ini jelas dikuasai oleh golongan muda yang berusia 26-30 tahun ke atas.

Hasil kajian ini juga jelas menunjukkan bahawa isu-isu penting yang seringkali diberikan perhatian serius oleh *blogger* politik di Malaysia adalah tentang isu pilihan raya dan juga isu kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Blog dilihat sebagai satu saluran baru bagi *blogger* politik di Malaysia sama ada untuk mengkritik atau menyokong pemerintah. Oleh itu, blog dilihat sebagai saluran yang sesuai bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat ataupun isu-isu yang menyentuh akan kepimpinan Perdana Menteri ketika itu.

Rujukan

- Adamic, L & Glance, N. 2005. *The political blogosphere and the 2004 U.S election : Divided they blog.* <http://www.blogpulse.com/papers/2005/AdamicGlanceBlogWWW.pdf>. [30 September 2007]
- Berelson, B. 1952. *Content analysis in communication research.* Glencoe, Ill.: Free Press
- Brady, M. 2005. *Blogging : personnel participation in public knowledge-building on the web.* Chimera working paper number : 2005, 02. <http://www.essex.ac.uk/chimera>. [30 September 2007]
- Drenzer, D.W. 2004. *The power and politics of blogs.* <http://www.utsc.utoronto.ca/~farrell/blogpaperfinal.pdf> [30 September 2007]
- Graf, J. 2006. *The audience for political blogs : new research on blog readership.* <http://www.ipdi.org/uploadedfiles/blog%20readership%20%20october%202006.pdf>. [30 September 2007]
- Gumbrecht, M. 2004. *Blogs as “protected space”.* <http://www.blogpulse.com/papers/www2004gumbrecht.pdf>
- Kaid, L.L & Postelnicu. 2007. Credibility of political messages on the internet ; a comparison of blog sources. Dlm. Tremayne,M (pnyt). *Blogging, citizenship, and the future of media*, hlmn.149-164. New York : Routledge.
- Koop, R. 2006. *Canadian political blogs: online soapboxes or forums for democratic dialogue?* <http://www.cpsa-acsp.ca/papers-2006/Koop-Jansen.pdf>. [30 September 2007]
- Roth, M.M. 2004. *How journalists see the blogosphere.* <http://www.asc.upenn.edu/usr/mmcoll/blogs.pdf> [30 September 2007)
- Stoneman, P. 2007. *The internet and political participation : lessons from time use.* Chimera working paper number : 2005, 02. <http://www.essex.ac.uk/chimera>. [30 September 2007]
- Sweetser, K.D. 2007. Blog bias: reports, inferences, and judgments of credentialed bloggers at the 2004 nominating conventions. *Public Relations Review* 33:426-428
- Trammell, K.D & Keshelashvili. 2005. Examining the new influencers: a self-presentation study of A-list blogs. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 82(4):968-982
- Trammel, K.D. 2006. Blog offensive: an explanatory analysis of attacks published on campaign blog posts from a political public relations perspective. *Public Relations Review* 32:402-406.
- Wallsten, K. 2005. *Political blogs and the bloggers who blog them: is the political blogosphere and echo chamber?* http://www.allacademic.com/meta/p41556_index.html[30 September 2007]<http://www.sopo-sentral.blogspot.com/>